

**TOKOH-TOKOH KEDAH DALAM LEGENDA DAN SEJARAH:
SATU KAJIAN PERBANDINGAN**

oleh

MAGENDRAN A/L VELLASAMY

**Tesis diserahkan untuk memenuhi
keperluan bagi Ijazah Sarjana Sastera**

Oktober 2005

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya merakamkan rasa kesyukuran yang setinggi-tingginya kepada Tuhan kerana dengan keredaanNya juga telah merestui dan membolehkan saya menyelesaikan tesis ini.

Ucapan ribuan terima kasih yang tidak terhingga saya tujukan kepada Prof. Madya Noriah Taslim yang telah membimbing saya dengan penulisan tesis. Bimbingan, fikiran, pandangan, panduan, saranan dan teguran yang membina serta rangsangan dan galakan yang diberikan oleh beliau menjadi dorongan kepada perjuangan saya menyelesaikan tesis ini. Sesungguhnya jasa beliau bakal menjadi kenangan abadi yang tidak dapat dilupakan.

Rakaman terima kasih juga ditujukan kepada beberapa individu yang telah banyak memberi saya maklumat dan pengetahuan mengenai tokoh-tokoh kajian saya secara lisan. Mereka adalah Ustaz Hj. Abdul Hamid bin Hj. Abdul Rahaman, Tuan Hj. Hashim Bin Hj. Mustafa, Hj. Ahmad Bin Rejab, Abdul Hamid Bin Abdullah (Pak Mid Ubat), Mohd. Fadzil Hj. Rukunddin dan Tuan Hj. Abdullah Mat Hassan Bin Hj. Sani.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih ditujukan kepada pihak Muzium Negeri Kedah atas kerjasama dan bantuan mereka meminjamkan buku-buku, gambar-gambar dan bahan-bahan himpunan kepada saya. Kepada Setiausaha Muzium Negeri Kedah, Wan Shamsudin bin Mohd. Yusof yang banyak membantu saya menceritakan mengenai tokoh-tokoh Negeri Kedah, ribuan terima kasih diucapkan. Kepada pembantu Muzium Negeri Kedah iaitu Encik Sukri bin Mamat diucapkan ribuan terima kasih kerana sentiasa menghulurkan bantuan semasa mencari bahan terutamanya gambar-gambar yang berkaitan dengan tokoh.

Penghargaan juga diucapkan kepada keturunan Mahsuri di Pulau Phuket yang sanggup membenarkan saya melakukan temuramah dan kepada Encik Zawawi bin Mat yang menjadi jurubahasa. Penghargaan juga diberikan kepada pekerja-pekerja yang mengendalikan Makam Mahsuri yang sentiasa membenarkan saya mengambil gambar di makam tersebut.

Penghargaan juga diberikan kepada pekerja-pekerja Muzium Langkawi yang banyak membantu saya mendapatkan bahan-bahan bukti. Penghargaan juga ditujukan kepada En. Kasim bin Norman yang menceritakan tragedi Mahsuri secara lisan.

Penghargaan juga diberikan kepada penduduk-penduduk di Si Puteh yang memberikan saya cerita-cerita mengenai Puteri Lindungan Bulan serta Tunku Anom. Mereka ialah Jurun bin Mat, Salleh bin Haron, Mendak bin Hassan, Jamil bin Yacob, Azmi bin Salleh dan Bakri bin Din. Penghargaan juga disampaikan kepada penduduk-penduduk Yan yang memberikan cerita-cerita mengenai Hj. Mohd Said Yan.

Penghargaan juga ditujukan kepada seluruh kakitangan di bahagian pentadbiran dan Perpustakaan Universiti Sains Malaysia yang sentiasa membantu saya mencari bahan kajian. Penghargaan juga ditujukan kepada En. Ngatingan bin Darus, pengurus Perpustakaan Sungai Petani yang juga membantu saya mendapatkan bahan-bahan spesifik mengenai Negeri Kedah.

Penghargaan juga ditujukan kepada En. Vijen, Cik Priya serta En. Vijendran yang membantu saya menyelaraskan tesis ini. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Pn. Mariyam binti Hasyim, Ustaz Saiffudin bin Yahya serta Pn. Alawiyah binti Mansor yang memperbetulkan kesalahan bahasa dalam tesis ini.

Akhirnya ucapan terima kasih ditujukan kepada isteri saya Pn Subasini yang sentiasa membantu saya menyiapkan tesis ini. Penghargaan juga ditujukan kepada ibu bapa saya yang memberi dorongan untuk menyiapkan tesis ini.

KANDUNGAN

Muka Surat

Penghargaan	i
Kandungan	iv
Senarai Carta	vii
Senarai Plat	viii
Senarai Rajah	x
Abstrak	xi
Abstract	xii
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN	1
1.1.1 SEJARAH KEDAH	1
1.1.2 SEJARAH KEBUDAYAAN KEDAH: SINTESIS ANIMISME, HINDU-BUDDHA DAN ISLAM DALAM MASYARAKAT MELAYU	15
1.1.3 TOKOH-TOKOH LEGENDA DALAM SEJARAH KEDAH	30
1.1.4 TINJAUAN KEPUSTAKAAN	31
1.1.5 PERMASALAHAN KAJIAN	33
1.1.6 HIPOTESIS	34
1.2 OBJEKTIF	34
1.3 FOKUS KAJIAN	35
1.4 METODOLOGI KAJIAN	37
1.4.1 KERJA LAPANGAN	37
1.4.2 KAEDAH ANALISIS	42
1.5 PEMERIAN BAB	42
BAB 2 SEJARAH DAN LEGENDA	43
2.1 SEJARAH : DEFINISI DAN CIRI	43
2.2 LEGENDA	48
BAB 3 TEKS-TEKS LEGENDA KETOKOHAN DI KEDAH	55
3.1 LEGENDA TOK SYEIKH JARUM	55
3.2 LEGENDA MAHSURI	57
3.3 LEGENDA PUTERI LINDUNGAN BULAN	59
3.4 LEGENDA TUNKU ANOM	61
3.5 LEGENDA HAJI MOHD. SAID YAN	63
3.6 LEGENDA PANGLIMA NAYAN	65

BAB 4 PEMERIAN TOKOH-TOKOH KEDAH DALAM TEKS- TEKS LEGENDA	67
4.1 TOK SYEIKH JARUM	67
4.2 MAHSURI	69
4.3 PUTERI LINDUNGAN BULAN	72
4.4 TUNKU ANOM	75
4.5 HAJI MOHD. SAID YAN	77
4.6 PANGLIMA NAYAN	79
BAB 5 TOKOH-TOKOH LEGENDA DALAM TEKS SEJARAH	82
5.1 PENDAHULUAN	82
5.2 TOK SYEIKH JARUM	82
5.3 MAHSURI	88
5.4 PUTERI LINDUNGAN BULAN	89
5.5 TUNKU ANOM	91
5.6 HAJI MOHD. SAID YAN	93
5.7 PANGLIMA NAYAN	95
BAB 6 PERBANDINGAN PEMERIAN TOKOH-TOKOH KEDAH DALAM TEKS LEGENDA DAN SEJARAH	102
6.1 PENDAHULUAN	102
6.2 TOK SYEIKH JARUM	102
6.3 MAHSURI	104
6.4 PUTERI LINDUNGAN BULAN	106
6.5 TUNKU ANOM	108
6.6 HAJI MOHD. SAID YAN	110
6.7 PANGLIMA NAYAN	113
6.8 PERBANDINGAN TEKS LEGENDA DAN TEKS SEJARAH	116
BAB 7 LEGENDA DAN KEPERCAYAAN MASYARAKAT	118
BAB 8 KESIMPULAN	142
BIBLIOGRAFI	146
LAMPIRAN	156
LAMPIRAN 1	156
LAMPIRAN 2	168
LAMPIRAN 3	173
LAMPIRAN 4	176

LAMPIRAN 5
LAMPIRAN 6
LAMPIRAN 7

191
199
220

SENARAI CARTA

	Muka Surat
Carta 1.1 Senarai Sultan-Sultan Kedah	2
Carta 1.2 Senarai Pemberi Maklumat	38
Carta 1.3 Senarai Pengkelasan Sumber Sejarah	47
Carta 1.4 Senarai Ciri-ciri Legenda	52
Carta 1.5 Senarai Adik Beradik Nayan	96
Carta 1.6 Senarai Riwayat Hidup Nayan	200

SENARAI PLAT

Muka Surat

Plat 1.1 Masjid Derga (Fotografi)	158
Plat 1.2 Telaga Tok Syeikh Jarum (Fotografi)	160
Plat 1.3 Pusara Tok Syeikh Jarum (Fotografi)	161
Plat 1.4 Tuan Haji Muhammad Said Yan (Fotografi)	191
Plat 1.5 Gambaran Nayan Penyamun (Zakaria Ali)	201
Plat 1.6 Cik Putih Binti Abdul Ghani (Fotografi)	206
Plat 1.7 Sorokan Barang-Barang Tembaga Kepunyaan Kumpulan Nayan.	211
Plat 1.8 Ketua Inspektor Abusman Bin Mat Esah	215
Plat 1.9 Ustaz Hj. Abdul Hamid bin Hj. Abdul Rahaman. (Informan Tok Syeikh Jarum)	220
Plat 2.0 Bekas Tapak Pondok Tok Syeikh Jarum di Derga	220
Plat 2.1 Tuan Hj. Hashim Bin Hj. Mustafa (Informan Mahsuri)	221
Plat 2.2 Makam Mahsuri	222
Plat 2.3 Telaga Mahsuri	223
Plat 2.4 Wan Husin, Salah Seorang Cicit Mahsuri di Phuket	224
Plat 2.5 Keturunan Mahsuri Semasa Melawat Langkawi	225
Plat 2.6 Penulis Bersama Wan Aisyah Yang Merupakan Keturunan ke Tujuh Mahsuri	225
Plat 2.7 Gambar Keluarga Keturunan Mahsuri di Phuket, Thailand (Kampung Kamala) dengan Pegawai-pegawai dari Muzium Negeri Kedah Pada Tahun 1989.	226
Plat 2.8 Hj. Ahmad Bin Rejab (Informan Puteri Lindungan Bulan)	226
Plat 2.9 Makam Puteri Lindungan Bulan	227

Plat 3.0 Abdul Hamid Bin Abdullah (Informan Tunku Anom)	228
Plat 3.1 Makam Tunku Anom	228
Plat 3.2 Mohd. Fadzil Hj. Rukunddin (Informan Hj. Mohd. Said Yan)	229
Plat 3.3 Madrasah Hj. Said Yan	230
Plat 3.4 Rumah Tuan Hj. Abdullah Mat Hassan Bin Hj. Sani (Informan Panglima Nayan)	230

SENARAI RAJAH

	Muka Surat
Rajah 1.1 Peta Kedah	36
Rajah 1.2 Akbar Nun	194
Rajah 1.3 Risalah An-Nasihatul-Syabaniyah	197
Rajah 1.4 Tulisan Pada Makam Mahsuri	222
Rajah 1.5 Tulisan Yang Terdapat pada Bendera Langkawi	223
Rajah 1.6 Pedang Dalam Simpanan Keluarga Mahsuri di Phuket.	224
Rajah 1.7 Tulisan di Makam Lindungan Bulan	227
Rajah 1.8 Tulisan di Makam Tunku Anom	229

TOKOH-TOKOH KEDAH DALAM LEGENDA DAN SEJARAH: SATU KAJIAN PERBANDINGAN

ABSTRAK

Kedah merupakan negeri yang tertua di Malaysia dan mempunyai rangkaian sejarah yang agak panjang. Sejarah membuktikan bahawa Kedah pernah mengalami pelbagai perubahan budaya dan kepercayaan masyarakat. Pengaruh animisme, Hindu-Budha dan pengaruh Islam telah turut mempengaruhi masyarakat Kedah. Kedah juga telah dijajah oleh beberapa buah negara seperti Siam, Aceh dan Kerajaan Chola di India. Kesemua pengaruh ini telah mengwujudkan suatu sintesis Animisme, Hindu-Buddha dan Islam dalam masyarakat Melayu. Kedah juga sangat terkenal dengan beberapa orang tokoh legenda yang sentiasa menjadi pujaan masyarakat. Diantara mereka yang terkenal ialah Tok Syeikh Jarum, Mahsuri, Puteri Lindungan Bulan, Tunku Anom, Haji Mohd. Said Yan dan Panglima Nayan. Tujuan utama tesis ini adalah untuk membuat perbandingan antara tokoh-tokoh legenda ini dari segi sejarah yang sebenar dan kepercayaan-kepercayaan masyarakat. Di samping itu perbandingan juga dilakukan antara teks-teks sejarah dan teks-teks legenda yang menerangkan mengenai tokoh-tokoh kajian. Tugas utama penyediaan tesis ini adalah untuk mengumpul, mentransliterasi dan mendokumentasikan legenda tokoh-tokoh di Kedah, serta menganalisis secara perbandingan mengenai tokoh-tokoh ini dengan teks sejarah .

THE PROMINENT PERSONALITIES IN THE LEGENDS AND HISTORY OF KEDAH: A COMPARATIVE STUDY

ABSTRACT

Kedah is the oldest state in Malaysia, which reflects the longest network of history. History proof that Kedah has undergone a spectrum of various diverse cultural changes as well as societal belief. The strong animism of Hindu-Buddha as well as Islam have great influence on the people of Kedah. Kedah had also been invaded, conquered and ruled by various powerful countries of that era such as Siam, Aceh and the Chola dynasty from India. All these influences had shaped the thought and brought about the Hindu-Buddhist and Islamic synthesis in the Malay community. It is worth mentioning that Kedah is also well known for some of its distinct legendary personalities or heroes who are admired highly regarded by the community. Among the famous personalities are Tok Syeikh Jarum, Mahsuri, Puteri Lindungan Bulan, Tunku Anom, Haji Mohd. Said Yan dan Panglima Nayan. The specific aim of this thesis is to compare these legendary personalities as found in historical fact with that found in the community belief system. Beside that, comparison is also made between the historical texts and the legendary texts that narrate these personalities. The primary tasks of this thesis is to collect, transliterate and document legends about these personalities and followed by a comparative analysis of these legends with historical texts.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar belakang kajian

1.1.1 Sejarah Kedah

Kedah merupakan negeri yang dikenali sebagai 'Jelapang Padi Malaysia'. Negeri ini terletak di pantai barat , bersempadankan Thailand, Perlis, Perak dan Seberang Perai. Luas kawasannya ialah 9479.4 km persegi(3660 batu persegi). Hasilnya yang utama ialah padi. Alor Setar adalah ibu negeri Kedah. Negeri Kedah terbahagi kepada 11 buah daerah iaitu Kota Setar, Baling, Kubang Pasu, Kuala Muda, Bandar Baharu, Kulim, Pulau Langkawi, Padang Terap, Sik, Yan dan Pendang. Penduduk Kedah dianggarkan 1.4 juta dengan kaum Melayu sebanyak 71.8 %, kaum Cina 18.6 % dan kaum India 7.79 %. Kedah diperintah oleh beberapa orang Sultan seperti yang tertera dalam rajah pada halaman sebelah:

Nama Sultan	Tarikh naik takhta mengikut tahun hijrah	Bersamaan tahun masihi	Lama memerintah ikut tahun masihi
Sultan Muzaffar Shah I	531	1136	44
Sultan Muazzam Shah	575	1179	23
Sultan Mohammed Shah	598	1202	36
Sultan Mazal Shah	634	1237	45
Sultan Mahmud Shah I	679	1280	42
Sultan Ibrahim Shah	721	1321	54
Sultan Sulaiman Shah I	775	1337	50
Sultan Aktai-Ilah	826	1423	50
Sultan Mohammed Jiwa Zainal-Azilin I	877	1473	33
Sultan Mahmud Shah II	912	1506	41
Sultan Muzaffar Shah II	953	1547	55
Sultan Sulaiman Shah II	1011	1602	17
Sultan Rijaludin Mukammed Shah	1035	1619	33
Sultan Muhyiddin Mansur Shah	1062	1652	9
Sultan Dhiauddin Mukarram Shah	1072	1661	27
Sultan Aktai' Ilah	1099	1668	11
Sultan Abdullah Muazzam Shah I	1110	1698	8
Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah I (Raja Bendahara menggantikan Sultan Sementara)	1118	1706	4
Sultan Mohammed Jiwa Zainal-Azilin Muazzam Shah II	1122	1710	68
Sultan Abdullah Mukkaram Shah II	1174	1778	20
Tungku Dhiauddin, Raja Muda, bersemayam di Kayang (Perlis) diangkat menjadi Pemangku Sultan kerana kemangkatan Sultan Abdullah	1212	1798	7
Sultan Ahmad Tajudin Halim Shah II (Merhum Melaka)	1219	1804-1821-1843	17-22
Sultan Zainal-Rashid Muazzam Shah I	1259	1843	11
Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah III	1270	1854	25
Sultan Zainal- Rashid Muazzam Shah II	1297	1880	2
Sultan Abdul Hamid Halim Shah	1299	1882	61
Sultan Badlishah	1362	1943	15
Sultan Haji Abdul Halim Muazzam Shah	1378	1958	Kini

Sumber : Muzium Negeri Kedah

Penyelidikan arkeologi zaman prasejarah di Negeri Kedah agak terhad kepada tapak-tapak gua sahaja walaupun penemuan-penemuan secara tidak sengaja juga dijumpai di kawasan tanah lapang. Collings merupakan orang yang pertama menyingkap tentang kewujudan tapak prasejarah di negeri Kedah dengan membuat kajian di Gunung Baling. Dua buah gua telah dicarigali iaitu Gua Debu dan Gua Kelawar (Collings, 1936). Bahan-bahan yang ditemui di gua ini terdiri daripada kapak batu zaman Hoabinhian, kapak dan beliong batu zaman Neolitik, batu pengasah, batu penumbuk dan tembikar tanah. Menurut Collings (1936), satu masyarakat dalam proses transisi dari zaman Hoabinhian ke zaman Neolitik pernah menetap di gua-gua tersebut. Williams-Hunt telah menjelajah ke Bukit Keplu, Kodiang di daerah Kubang Pasu di mana beliau telah menemui tiga kapak batu zaman Neolitik dan berpuluh-puluh serpihan tembikar (William-Hunt, 1952) membuktikan kewujudan masyarakat zaman Neolitik di Kedah. Menurut Wheatley pula Kedah diibaratkan sebagai jambatan yang dilalui oleh manusia di dalam proses migrasi dari utara ke selatan dan seterusnya dari Benua Asia ke kepulauan Asia Tenggara dan Pasifik sebelum kurun masihi (Wheatley, 1961).

Menurut Mohd. Isa Othman (2001), hubungan awal Kedah dengan dunia luar bermula sejak sebelum Masihi lagi. Hubungan yang bersifat perdagangan, budaya dan agama membolehkan Kedah muncul sebagai salah sebuah pusat tamadun awal di Semenanjung Malaysia. Golongan pemerintah sentiasa membuka ruang kepada pengaruh luar yang dapat memperkembangkan masyarakat setempat. Kedah sebagai negara kota perdagangan mempunyai hubungan dagang dengan kuasa-kuasa perdagangan Asia terpenting. Rekod-rekod dan catatan-catatan awal dari India, China dan Arab jelas menunjukkan Kedah Tua mempunyai hubungan dengan negara-negara tersebut. Di

dalam syair Tamil *Pattinappalai* (Abad ke-2-3 M) menyebut *Kalagam* sebagai pelabuhan yang menjalankan perniagaan eksport. Batu bersurat kerajaan Chola bertarikh 1030 Masehi pula menunjukkan dengan jelasnya bahawa Kadaram itu adalah sama dengan Kataka yang terkandung dalam cerita-cerita lama sanskrit (*Puranas*) terutamanya dalam drama *Kaumudimahotsava* yang ditulis antara kurun ke tujuh atau kurun ke-8 Masehi. Kedah juga disebut dalam karya *Prakrit* iaitu *Somaraiccakaha* yang dihasilkan dalam kurun ke-8 Masehi dan juga dalam karya-karya *katha* seperti *Khatasaritsagara*. Di dalam karya-karya tersebut, Negeri Kedah dibayangkan sebagai sebuah negara yang makmur dan gemilang ataupun sebagai 'the seat of felicities' (Wheatley, 1961). Sumber Sanskrit zaman Gupta pula menyebut Kataka sebagai Kedah. Di dalam rekod Dinasti Tang menyebut tempat bernama *Chia-cha* atau *Chieh-cha* yang merujuk kepada Kedah (Jane, Allen 1988). Wheatly (1961:216) mengatakan bahawa Abu Zaid, seorang penduduk Siraf menulis dalam tahun 916 bahawa:

Kalah telah menjadi wilayah Maharaja al-Zabaj (Srivijaya) terletak di antara China dan Tanah Arab. Pelabuhan Kalah menjadi tumpuan kapal-kapal dari Uman dan dari sini kapal-kapal bertolak ke Tanah Arab. Kalah ialah pusat dagangan kayu gaharu, kapur barus, kayu cendana, gading gajah, bijih timah, kayu arang, kayu sepang, pelbagai jenis rempah ratus dan lain-lain barang yang amat banyak hendak dihitungkan.

Pernyataan ini membuktikan bahawa Kedah pernah menjadi pelabuhan yang terkenal suatu ketika dahulu. Selain itu, menurut Wheatley (1961:218-219), Mas'udi yang merupakan seorang pengembara Islam telah menulis mengenai perkembangan Kedah dalam kitabnya bernama *Muruj al-Dhahab wa Ma'adin al-Jawhar* pada tahun 943 masihi. Menurut beliau:

Di sekitar Kalah (Kedah) dan Sribuza (Srivijaya) terdapat lombong-lombong emas dan perak, ikut jalan laut, Kalah terletak lebih sedikit

dari setengah perjalanan antara Negara Arab dan Negara China. Hari ini Kalah menjadi tempat tumpuan saudagar-saudagar Islam dari Siraf dan Uman. Dari sini mereka menaiki kapal China untuk pergi ke Negeri China.

Oleh itu boleh dikatakan bahawa Kedah ialah sebuah pelabuhan besar yang disinggahi oleh saudagar-saudagar Islam Arab dan Iran dalam abad ke-9 dan awal abad ke-10. Sumber Arab abad ke 9-12 Masihi menyebut Kalah menjadi tempat pelarian pedagang-pedagang asing khususnya Arab dan India yang menetap di Tenggara China, melarikan diri ke Kalah selepas kegagalan satu pemberontakan. Menurut sumber yang sama juga Kalah didiami oleh Islam, Hindu dan Parsi (Tiabbetts, 1957). Menurut Syed Naguib al-Attas (1969: 11):

“Setelah orang-orang Islam membentuk kawasan kediaman yang agak besar di Kanton (sejak kurun Hijrah pertama atau KM 7 lagi) dan mereka menikmati kebebasan yang luas mengendalikan hal ehwal agama dan undang-undang awam sesama mereka, tentulah senang mereka mengekalkan urusan-urusan penempatan atau perkampungan mereka dan membentuk pula masyarakat Islam di Kedah dan juga di Palembang tempat mereka juga telah berhijrah dari Kanton itu. Penghijrahan ini wajar dikata sebagai satu petanda kedatangan Islam yang paling awal di Nusantara”.

Ini jelas menunjukkan sejak awal lagi Kedah merupakan negara berbilang bangsa dan agama hasil hubungan dengan negara luar. Menurut Augustin (1992), perkembangan awal sejarah negeri Kedah adalah disebabkan oleh kedudukan ilmu alamnya yang strategis di rantau ini. Kemudian tatkala perdagangan maritim berkembang dengan pesatnya di Asia, Kedah telah memainkan peranan yang penting kerana kedudukannya di pertengahan antara dua pusat perdagangan yang besar di masa itu iaitu India dan negara-negara Arab di sebelah barat dan negeri China di sebelah timur. Di kala itu, pelayaran laut hanya bergantung kepada tiupan Angin Monsun dan sementara menunggu pertukaran

haluan angin tersebut, Kedah telah dijadikan bukan sahaja tempat untuk berteduh tetapi juga sebagai tempat persinggahan untuk pertukaran dagangan mereka (Augustine, 1992).

Dilihat dari sudut yang tersebut di atas, Kedah mempunyai beberapa keistimewaan yang tersendiri yang secara tidak langsung telah menghasilkan keunikan perkembangan sejarah yang dilaluinya. Gua-gua batu kapur yang merupakan tempat tinggal atau tempat persinggahan masyarakat zaman prasejarah banyak terdapat di daerah-daerah Kubang Pasu, Kota Setar dan Baling. Apa yang menarik ialah terdapatnya Gunung Jerai yang tersergam indah di persisiran pantai yang dipercayai telah menjadi 'landmark' kepada pelayar-pelayar yang melalui lautan Hindi di zaman yang silam. Di samping itu, negeri Kedah juga boleh dihubungi melalui jalan darat dengan negeri-negeri di pantai timur Semenanjung Malaysia tanpa menghadapi banyak kesulitan (Wheatley 1961).

Kerajaan Kedah dipercayai telah wujud lebih awal daripada Kesultanan Melayu Melaka tetapi tidak diketahui tarikh penguasaannya yang sebenar. Menurut Bonney (1971 : 41):

Kedah has a prominent place in early Malaysian history, having experienced either in full or in part, almost all the historical forces and cultural influences that affected the Malay Peninsula. Some of the earliest known Stone Age sites have been uncovered there and it can be boasted of being the only area in Peninsula with numerous physical and literary evidences of a marked process of 'Indianization' to earn 'the rightful and unchallengable claim to be the most ancient state' in the country. While archaeological research postulates the prevalence of Hindu cults, the Hikayat Mahrang Mahawangsa or the Kedah Annals also gives Buddhist titles for the earlier rulers of ancient Kedah. And besides being identified as the northern capital of the Seri Vijayan thalassocracy, Kedah was also among the first centers in the Peninsula to embrace Islam.

Menurut Mohd. Isa Othman (2001) hubungan luar Kedah bukan sahaja melibatkan perdagangan tetapi juga peperangan dan penjajahan. Kerajaan Funan mula mengembangkan pengaruhnya ke bahagian Utara Semenanjung Malaysia menjelang tahun 200 Masihi tetapi tidak diketahui sejauh manakah pengaruhnya ke atas Kedah. Selepas kemerosotan Funan, Kerajaan Srivijaya muncul sebagai kuasa penting dan kerajaan ini berjaya meluaskan kedaulatannya secara mutlak ke atas negara-negara kota lain termasuk Kedah. Pada kurun ke-11 berlaku pertikaian antara kerajaan Srivijaya dengan Dinasti Chola di India Selatan. Maharaja Chola telah bertindak melancarkan serangan besar-besaran untuk melumpuhkan Srivijaya dan sekutu-sekutunya pada tahun 1025 (Hall, 1987). Kedah (Kadaram) turut dimusnahkan. Bagaimanapun, Kedah berjaya bangkit semula hasil kegiatan perdagangan dan kegiatan penanaman padi. Hasilnya, Kedah muncul sebagai pelabuhan penting yang menjadi pusat pemunggahan barangan pada abad ke-11. Namun, Kedah sekali lagi diserang oleh Maharaja Chola pada tahun 1068 M tetapi serangan ini gagal untuk menegakkan kekuasaan Chola di rantau ini. Sebuah lagi kuasa luar yang mahu mengembangkan pengaruhnya ke Tanah Melayu ialah Kerajaan Sukhotai. Rajanya Rama Khamheng menyerang Kedah pada tahun 1277 M, tetapi penguasaan Siam ke atas Kedah tidak begitu jelas. Pada abad ke-14, Kerajaan Siam yang berpusat di Ayudhya pula menunjukkan minat meluaskan pengaruhnya ke Semenanjung Malaysia. Menjelang abad ke-15, muncul kesultanan Melayu Melaka yang dianggap pewaris Srivijaya. Hubungan Kedah dengan Kesultanan Melayu Melaka lebih bersifat persahabatan dan pada tahun 1474, Sultan Kedah telah menghantar utusan ke Melaka (Mohd. Isa Othman, 2001).

Zaman pengaruh kebudayaan Hindu-Buddha itu berakhir pada abad ke-12 apabila Islam mula tersebar di negeri ini pada tahun 531 Hijrah atau 1136 Masihi (Muhammad Hassan, 1928). Menurut Ahmad Jelani Halimi (1989), tarikh sebenarnya Islam bertapak di Kedah tidaklah dapat dipastikan, tetapi secara umumnya dapat diandaikan bahawa Islam telahpun diperkenalkan di Kedah selewat-lewatnya dalam abad ke-9 Masihi. Islam dikatakan mula bertapak di Kedah pada masa pemerintahan Maharaja Derbar Raja II pada tahun 1136 (531 H). Pada masa tersebut terdapat seorang ulama dari negeri Yaman bernama Syeikh Abdullah bin Syeikh Ahmad bin Syeikh Qamari dengan sebelas orang kawannya datang ke Kedah lalu berjumpa Maharaja Derbar II di Istana Bukit Meriam. Oleh sebab baik budi bahasa dan kelakuan Syeikh Abdullah itu selalulah ia dibenarkan oleh Maharaja Derbar datang mengadap baginda ke istana. Pada suatu masa ketika mengadap Maharaja Derbar Raja di istana Bukit Meriam, Syeikh Abdullah menerangkan kepada Baginda serta menteri-menteri Baginda berkenaan dengan kebaikan dan kemurniaan agama Islam, lalu mereka beramai-ramai diislamkan oleh Syeikh Abdullah. Setelah itu mengikut cadangan Syeikh Abdullah, Maharaja Derbar Raja II pun mengubah nama Baginda kepada nama Islam yang diberi Syeikh Abdullah iaitu Sultan Muzaffar Shah dan negeri Kedah diubah namanya menjadi Kedah Darul'l-Aman. Tidak lama kemudian orang besar-besar baginda serta rakyat Melayu Kedah pun memeluk Agama Islam (Sejarah Kedah, 1980). Sejak waktu itu sehingga kini iaitu selama 863 tahun, Kesultanan Kedah mengandungi 28 orang sultan yang berkisar kepada lapan buah pusat pentadbiran seperti:

1. Kota Bukit Meriam (1136 – 1236)
2. Kota Sungai Mas (1236 – 1323)

3. Kota Si Putih (1323 – 1626)
4. Kota Naga (1626 – 1654)
5. Kota Sena (1654 – 1664)
6. Kota Indera Kayangan (1664 – 1687)
7. Kota Bukit Pisang (1688 – 1735)
8. Kota Setar / Alor Setar (1735 hingga kini)

Malah jika diambil kira era perkembangan sistem beraja sebelum kedatangan Islam, sudah pasti usia sistem beraja di negeri ini sudah melebihi seribu tahun (Gullick, 1983).

Pusat-pusat pentadbiran Kedah sesudah datangnya Islam sering didahulukan dengan perkataan 'kota' yang dalam ertikata lebih luas bukan sahaja dimaksudkan kepada bandar tetapi mencakupi sebuah kawasan atau kompleks yang di dalamnya mengandungi Istana, balai besar atau balai penghadapan (balairong-seri), masjid, balai nobat dan lain-lain yang dikelilingi oleh tembok atau kota yang menjadi benteng pertahanan.

Sejak awal lagi sejarah telah membuktikan bahawa Kedah memiliki wilayah dan jajahan takluk yang luas. Di samping Kayang (Perlis), kawasannya menjangkau jauh ke utara sepanjang pesisir barat wilayah Setul hingga ke Kuala Bara bersempadan dengan wilayah Terang yang kini di bawah kekuasaan Thailand. Di selatannya pula mencakupi Pulau Pinang dan Seberang Perai malah suatu ketika ianya meliputi kawasan Kerian hingga ke Kuala Kurau dalam negeri Perak (Gullick, 1983).

Pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad Jiwa Zainal Abidin Muadzam Shah II (1710 – 1778) wilayah Kedah berkembang lagi untuk sementara waktu apabila

armada Kedah berjaya menguasai Terang, Tongkah (Salang atau Phuket), Takuapa, Ranong (Rundang) dan Mergui di sempadan Burma atau Myanmar (Muhammad Hassan 1928). Baginda juga merupakan pengasas Bandar Kota Setar (yang kemudiannya dikenali sebagai Alor Setar) pada tahun 1735 .

Menurut Mohd. Isa Othman (2001), jika ditelusuri arus perkembangan sejarah Kedah awal terdapat pelbagai peristiwa campur tangan, peperangan atau setidak-tidaknya pengaruh kuasa-kuasa tempatan dan Barat seperti Portugis, Aceh, Belanda, Bugis dan Siam. Menurut Mohd. Isa Othman (2001), hubungan Kedah dengan Kesultanan Melayu Melaka lebih bersifat persahabatan dan pada tahun 1474, Sultan Kedah telah menghantar utusan ke Melaka. Selepas kejatuhan Melaka, hubungan Kedah dengan kuasa Barat bermula khususnya dengan Portugis. Sebuah kuasa tempatan yang baru muncul di utara Sumatera iaitu Kesultanan Aceh, muncul sebagai kuasa Selat Melaka yang baru dan menjadi pusat perdagangan pedagang-pedagang Islam. Kesultanan Aceh yang muncul sebagai kuasa politik dan tentera telah mencabar penjajahan Portugis dan Kesultanan Johor. Kedah juga tidak terlepas daripada pengaruh Aceh sama ada dari sudut agama atau politik. Di dalam usaha Aceh mengepung Portugis Melaka, Kedah turut dijadikan pengkalan serangan. Pada tahun 1547, angkatan laut Aceh mendarat di Kuala Perlis sambil menunggu peluang untuk menyerang kapal perdagangan Portugis dari Benggal. Bagaimanapun, pasukan Aceh dikalahkan oleh tentera Portugis yang dihantar oleh Gabenor Melaka di bawah pimpinan Admiral Don Francisco Decand.

Kesultanan Aceh juga mempunyai dasar luar yang sama dengan kerajaan-kerajaan tradisional Asia Tenggara yang lain iaitu apabila kerajaan menjadi kuat, dasar perluasan wilayah dan pernaungan diamalkan. Dalam hal ini, Kesultanan Kedah juga

tidak terlepas. Pada abad ke-17, Kedah merupakan pertahanan Aceh di Selat Melaka. Maka Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam (1600-1636) telah menyerang Kedah. Sultan Sulaiman (1602-1626) dan tawanan Kedah yang lain dibawa ke Aceh pada April 1626 (Mohd Isa Othman, 2001). Menurut Mohamed Khan, (1958:47)

Raja Manhara's friend Nakhooda from Indragiri who had come to trade forewarned that the Aceh raja was preparing to invade Kedah. In 1619, Raja Iskandar Muda Mahkota anchored at Pulo Pering near Siputeh and send word that he had come to pay a courtesy visit. The Raja Menhara, the Raja Muda and the Laxamana received him at his ship and welcomed him. Sultan Suleiman Shah II entertained him at Kota Si Puteh and allowed him to camp at Pulo Pering. One day the Aceh Raja seized the Sultan, burned down the Rathamala palace and looted Padang Sera in Kubang Pasu district. He destroyed the pepper plantation that was competing with his own in Aceh.

Selepas kemangkatan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam, dasar perluasan Wilayah Aceh terutama ke Tanah Melayu terhenti dan Kedah turut terlepas daripada ancaman serangan.

Hubungan Kedah dan Siam juga merupakan satu hubungan berpanjangan. Berabad Siam mencatatkan yang Kedah dan negeri-negeri Melayu Utara yang lain menjadi takluk kepada Siam sejak abad ke-12 iaitu zaman Kerajaan Sukhotai. Malah, Siam beranggapan Kedah seagama, sebangsa dan sebudaya dengan Siam (Paul Wheatley, 1961). Dari segi kefahaman politik Siam, hubungan dengan negeri-negeri jirannya yang kecil bersifat tidak setara. Sebagai tanda perhubungan, negeri naungan dimestikan menghantar ufti berupa bunga emas dan perak, pertukaran hadiah-hadiah serta surat-menyurat. Mengikut adat, perkara ini perlu dilakukan tiga tahun sekali. Negeri-negeri naungan juga dikehendaki memberi berbagai perkhidmatan kepada Siam seperti perkhidmatan tentera, tenaga buruh dan bekalan makanan (Muhd. Yusuf Hashim, 1980).

Penulis Bonney berpendapat sukar bagi memastikan sejauh mana pengiktirafan yang diberikan bermaksud penguasaan kedaulatan ke atas Kedah (Bonney, 1971). *Hikayat Merong Mahawangsa* menjelaskan penghantaran bunga emas dan perak ke Siam dibuat sebagai hadiah kepada Raja Siam yang baru mendapat anak lelaki. Jelasnya, penghantaran tersebut bersifat sosial dan tidak ada natijah politik. Pada abad ke-18 dan awal ke-19, Kedah tersepit kerana adu-tenaga Myanmar-Siam. Kedua-dua kerajaan ini mahu menguasai negeri-negeri Melayu di Utara Semenanjung Malaysia. Bagi menghadapinya, Kedah terpaksa menjalankan dasar suai-faedah. Diplomasi ini menyebabkan Kedah melompat dari suatu kuasa ke suatu kuasa yang lebih kuat. Pada masa keadaan tidak pasti sama ada Siam atau Myanmar akan menang, Kedah mengambil sikap mengakui kedua-dua pertuanan. Malah menjadi kecenderungan negeri-negeri Melayu membebaskan diri jika peluang terbuka (Muhd. Yusuf, 1980).

Pada abad ke-18, Siam berperang dengan kerajaan Myanmar (Ava). Pada masa persaingan Siam dengan Myanmar ini, Sultan Kedah menghantar bunga emas dan perak ke salah sebuah kerajaan ini atau kedua-duanya sekali. Pada tahun 1767, Ayuthia dikalahkan oleh Raja Myanmar, Hsinbysin dan Kedah menghantar bunga emas dan perak ke Ava (Kedah menyebutnya 'awa'). Dalam pada itu, Kedah juga cuba membuat perjanjian dengan pihak ketiga khususnya Inggeris bagi mendapatkan bantuan ketenteraan bagi menghadapi dasar agresif jiran-jirannya di Utara. Bagaimanapun, hasil kejayaan Phraya Taksin dalam kempenya menentang Myanmar, Siam mula menekan negeri-negeri Melayu. Bagi mengelak tekanan, Sultan Muhammad Jiwa dengan segera mengambil tindakan menghantar bunga emas dan perak ke Thonburi. Dasar perluasan wilayah Siam semakin menonjol pada zaman pemerintahan Jeneral Chakri atau Rama I

(1782-1802). Putera Wang Na Surasi dipertanggungjawabkan untuk menyusun rancangan menundukkan negeri-negeri Melayu (Kobkua, 1991).

Menurut Mohd. Isa Othman (2001), pada zaman awal pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin II (1803-1842), hubungan Kedah-Siam berjalan lancar. Kedah telah memberi perkhidmatan tentera, membekalkan makanan dan menyerang negeri lain bagi pihak Siam. Pada tahun 1808, Kedah diminta membantu Singgora menentang Patani. Berikutnya, Kedah diminta menyerang Perak bagi pihak Siam pada tahun 1810 dan sekali lagi pada tahun 1818. Pada tahun 1818 juga, Siam meminta Kedah menghantar tentera ke Tongkah bagi menghadapi tentera Myanmar. Sultan Ahmad Tajuddin II terpaksa memenuhi tuntutan Siam demi menyelamatkan Kedah daripada penjajahan tentera Siam. Kesetiaan Sultan Ahmad Tajuddin II dihargai Siam dan baginda diberikan pangkat Chao Phraya.

Dalam pada itu, kesetiaan Sultan Ahmad Tajuddin II tetap dicurigai Siam terutamanya pada dasawarsa 1820-an. Sultan Kedah dituduh berkomplot dengan Myanmar. Ini semakin jelas apabila baginda enggan mengadap Rama III. Dalam pada itu, Sultan telah berpindah ke Pulau Tiga, Merbok yang bersempadan dengan Pulau Pinang. Ini bagi mengelak tindakan ketenteraan Siam yang bila-bila masa boleh menyerang Kedah. Kebimbangan Kedah terhadap serangan Siam menjadi kenyataan pada November 1821. Pihak Siam berjaya menawan Kuala Kedah dalam keadaan rakyat Kedah tidak bersedia berperang malah askar Siam disambut tanpa kecurigaan. Sultan Ahmad Tajuddin II berjaya menyelamatkan diri dan mendapat suaka politik di Pulau Pinang. Gabenor Ligor yang bertindak bagi pihak Bangkok mengambil langkah menjalankan pentadbiran secara langsung di Kedah. Anak Gabenor Ligor, Phra Pakdi

(Saeng) dilantik sebagai Gabenor Kedah dan seorang lagi anaknya Nai Nut sebagai Naib Gabenor (Skinner,1993).

Ramai rakyat Kedah berhijrah mengikut Sultan mereka ke Pulau Pinang dan Seberang Prai. Dianggarkan sepanjang pemerintahan Siam (1821-1842) seramai 70 ribu orang berhijrah ke koloni Inggeris. Pendudukan Siam di Kedah mendapat tentangan penduduk tempatan. Terdapat dua bentuk peperangan yang dilancarkan iaitu perang gerila dan perang terbuka. Perang gerila wujud berterusan manakala perang terbuka pada tahun 1823, 1828-1829, 1829-1831 dan 1838-1839. Ramai tokoh yang turut menyumbangkan jasa bakti kepada Kedah. Sultan Ahmad Tajuddin II dianggap tokoh pemenyatu seluruh gerakan penentangan. Tokoh-tokoh lain termasuklah Tunku Abdullah, Tunku Kudin (Syed Zainal Abidin), Tunku Long Putih, Tunku Mohamad Said, Tunku Mohamad Saad, Dato' Pekerma Wan Mohamad Ali, Tok Moris dan ramai lagi (Burney Papers, Vol. V).

Nampaknya, pemerintahan langsung Siam di Kedah mendapat penentangan berterusan. Siam kemudiannya terpaksa mengubah kepada dasar lama dan terpaksa menyerahkan pemerintahan Kedah kepada Tunku Anom Paduka Raja Jambangan. Bagaimanapun, langkah ini belum dapat menyelesaikan ketegangan politik di Kedah. Akhirnya, atas desakan pihak Inggeris, khususnya Gabenor Bonham, Sultan Ahmad Tajuddin II mendapat kembali takhtanya (Gulick, 1983). Walaupun begitu, saiz Kedah dikecilkan. Tiga negeri baru diwujudkan – Kubang Pasu, Perlis dan Setul. Hanya Kubang Pasu berjaya diserapkan kembali ke dalam Kesultanan Kedah oleh Rama IV.

Penaklukan Siam menjadi pengajaran penting kepada Kedah-Siam kerana selepas ini kedua-dua negeri memastikan pengalaman ini tidak berulang. Hasilnya, Kedah

menjadi stabil dan pemerintahan kerajaan dapat disusun sehingga menjadi model negeri-negeri Melayu (Sharom Ahmat, 1969).

Di samping itu Kedah pernah bernaung dibawah kuasa-kuasa asing silih berganti seperti Kerajaan British (1909 – 1941), Pentadbiran Tentera Jepun (1941 – 1943) diikuti dengan tentera Thai (1943 – 1945) dan sekali lagi oleh Kerajaan British (1945 – 1957). Walau apa pun aneka ancaman dan cabaran yang melanda, namun keperibadian dan kedaulatan Kerajaan Kedah Darul Aman tetap dapat bertahan sepanjang zaman (Wan Shamsudin Mohd. Yusof, 1992)

1.1.2 Sejarah Kebudayaan Kedah: Sintesis Animisme, Hindu-Buddha dan Islam dalam masyarakat Melayu

Istilah animisme ini telah dicipta oleh Taylor daripada perkataan Latin *anima* dan animisme membawa pengertian kepercayaan kepada makhluk-makhluk halus. Menurut Taylor, kepercayaan kepada makhluk-makhluk halus dan roh merupakan asas kepercayaan agama yang mula-mula tumbuh dalam alam pemikiran manusia primitif. Kepercayaan animisme merupakan satu bentuk *cultural universals* yang wujud di kalangan suku-suku primitif (Taylor, 1965). Dalam masyarakat yang sedang membangun seperti suku bangsa Melayu di Kedah, ciri-ciri animisme masih lagi berkekalan terutama di kalangan masyarakat pedalaman biar pun sesudah muncul gerakan modenisme dalam Islam yang memerangi kepercayaan lama ini yang dianggap sebagai khurafat dan tahyul.

Sebelum agama Hindu tersebar di alam Melayu, orang Melayu dipengaruhi oleh fahaman animisme yang diwarisi sejak zaman purba. Fahaman ini berbentuk kepercayaan kepada semangat, pemujaan roh datuk nenek dan makhluk-makhluk alam ghaib. Kepercayaan kepada animisme ini adalah suatu kepercayaan yang amat kompleks.

Kepercayaan ini mengatur tingkah laku manusia terhadap alam sekeliling kerana mereka mempercayai bahawa setiap fenomena alam mengandungi kuasa ghaib atau penunggu (Ismail Hamid, 1988).

Dalam kepercayaan rakyat di Malaysia terdapat istilah semangat, kemudian dikenali juga sebagai roh iaitu istilah Arab yang dibawa oleh agama Islam. Dalam kepercayaan orang Melayu semangat wujud pada makhluk- makhluk yang bernyawa. Perkataan 'roh' berasal daripada istilah Sanskrit yang biasa digunakan oleh orang Melayu dengan membawa pengertian 'hidup', dan nyawa tidak wujud pada benda-benda seperti batu dan pokok (Mohd. Taib Osman, 1967). Keyakinan tentang wujudnya semangat dalam diri manusia juga dianuti oleh beberapa suku peribumi di Malaysia, seperti adanya kepercayaan bahawa semangat manusia akan meninggalkan tubuh badan setelah seseorang itu meninggal dunia (Evans, 1970). Bagi suku-suku orang Asli dan orang Melayu di Kedah peristiwa kematian amat menakutkan kerana dipercayai bahawa semangat orang yang telah mati akan kembali ke dunia menjadi hantu. Seseorang suku orang Asli merobohkan tempat kediaman mereka dan berpindah ke tempat lain, apabila berlaku kematian di kalangan mereka atau terus lari meninggalkan mayat si mati kerana takut semangat si mati akan menjelma menjadi hantu (Williams-Hunt, 1952). Penyakit merupakan pemberian hantu-hantu yang dikatakan berasal daripada roh manusia yang telah mati. Hantu-hantu itu dikatakan bertanggungjawab membawa berbagai-bagai penyakit yang menimpa manusia (Wilkinson, 1957).

Menurut ahli-ahli antropologi, konsep semangat dan hantu sukar dibezakan. Kedua-duanya adalah semangat daripada orang-orang yang telah mati; kedua-duanya ditakuti kerana boleh membawa kecelakaan; kadang-kadang boleh membantu manusia

melalui pelbagai upacara pemujaan. Pemujaan terhadap roh-roh datuk nenek merupakan satu amalan di kalangan sesetengah suku peribumi (sebelum kedatangan Islam) di Kedah. Sajian diberi dari masa ke semasa dengan harapan roh-roh itu akan membawa kebaikan dan kemakmuran kepada keluarga. Jika sajian itu diabaikan roh-roh itu akan datang mengganggu keluarga. Tempat-tempat untuk melakukan pemujaan roh itu adalah di atas tanah perkuburan datuk nenek mereka, di bawah pokok yang besar atau gunung, di tengah-tengah hutan dan di tempat-tempat yang ganjil. Mengikut kepercayaan, jika seseorang itu bermimpi datuk neneknya dalam keadaan lapar, maka ahli-ahli keluarga akan membuat kenduri kerana dipercayai roh datuk neneknya dalam keadaan yang lapar dan perlu diberi makan. Jika roh datuk neneknya itu tidak dilayan roh tersebut boleh menimbulkan kekacauan seperti merasuk anggota keluarga. Roh datuk nenek yang tidak dihormati itu kemudiannya akan menjelma menjadi hantu membuat kekacauan terhadap manusia (Ismail Hamid, 1988).

Dalam kepercayaan orang Melayu Purba (sebelum kedatangan Islam) di Kedah, semangat bukan sahaja wujud pada benda tetapi juga pada manusia. Kewujudan semangat pada diri manusia itu lebih banyak terletak pada anggota tubuh badannya. Menurut Winstedt (1961), orang Melayu mempercayai semangat wujud pada uri, pada setiap anggota tubuh badan, pada air ludah, keringat, potongan rambut dan kuku, pada bayang-bayang seseorang, pada nama seseorang, pada air mandi manusia dan binatang dan bekas tapak kaki di tanah. Semangat juga wujud pada tumbuh-tumbuhan, manik-manik, pada tanah dan besi (Winstedt, 1961). Mengikut kepercayaan orang Melayu di Kedah kehilangan semangat daripada diri seseorang itu atau sesuatu benda yang dimiliki oleh seseorang akan membawa kecelakaan kepada manusia dan benda-benda itu. Untuk

memulihkan semangat diri seseorang, perlu dipanggil bomoh atau pawang bagi melakukan upacara untuk memulih kekuatan semangat itu sehingga ia kembali ke dalam diri atau benda yang berkenaan (Mohd. Taib Osman, 1967). Upacara memulih semangat perlu diadakan dari masa ke semasa atau pada waktu-waktu yang tertentu. Jika perkara itu tidak dilakukan, maka dikhuatiri semangat itu akan merajuk dan menghilangkan diri.

Dalam kepercayaan orang Melayu terdapat dua jenis semangat. Semangat yang baik seperti semangat pada padi adalah perlu bagi manusia kerana ia membawa hasil padi yang banyak. Semangat Nabi Yusuf diperlukan untuk menjadi pemanis dan cantik dipandang orang dan lain-lain semangat lagi (Ismail Hamid, 1988). Untuk mendapat semangat itu biasanya pawang atau bomoh menjemput atau memanggil semangat itu. Untuk memanggil semangat tersebut jampi dan serapah perlu dibaca. Salah satu jampi untuk memanggil semangat Nabi Yusuf adalah seperti berikut:

Yahu Allah Allah Yahu,
Asalku Nabi Yusuf,
Duduk ke merucuk,
berdiri ke mericik,
memandang kepada aku,
Aku menginang sirih kulitnya si anu,
Gambir dan kapurnya, intannya si anu.
Susur tamakunya rambutnya si anu.
Air sirihnya darahnya si anu.
Aku tidur miring di depanku.
Aku tidur tiarap, di bahuku.
Aku tidur terlentang, di atasku.
Yahu Allah, Allah Yahu.

Sementara itu semangat yang jahat pula kadang-kadang mengganggu manusia sehingga seseorang itu mendapat sakit. Antara jampi yang dibaca oleh pawang untuk mengusir semangat jahat adalah seperti berikut:

Bismillah hir Rahman nir Rahim,

Aku tahu asal sirih, cahaya pada engkau.
Aku tahu asal gambir, darah merah pada engkau.
Aku tahu asal kapur, darah putih pada engkau.
Aku tahu asal pinang, tulang pada engkau.
Aku tahu asal tembakau, bulu roma pada engkau
Turun bisa naik tawar.
Tawar Allah, tawar Muhammad.
Tawar baginda Rasulullah.

Dalam pemikiran masyarakat animisme, terdapat kepercayaan kepada kuasa ghaib. Kekuatan itu mempunyai sifat yang lebih hampir dengan konsep *mana* dari Polinesia, iaitu apa yang dipanggil sebagai sakti. Manusia primitif pada zaman purbakala di Kedah Tua yang mula-mula mempersoalkan tentang sifat dan keadaan yang wujud pada gunung berapi, sungai dan objek-objek lain. Mereka yakin wujud satu daya kekuatan yang tidak mempunyai peribadinya. Kekuatan yang ghaib itu mempunyai persamaan dengan konsep *mana* yang diperkatakan oleh Codrington (1972) apabila ia membicarakan ciri-ciri kepercayaan suku-suku Polinesia yang mendiami lautan teduh (Mitchel, 1982). Menurut Codrington (1972) *mana* mempunyai satu kekuatan ghaib yang dapat memberi kesan kepada setiap benda. Kekuatan ghaib yang wujud pada *mana* itu dapat mempengaruhi sesuatu dengan cara yang luar biasa. Misalnya kalau seseorang itu memperolehi untung, keuntungan itu dipercayai diperolehi dengan bantuan sesuatu azimat yang mempunyai kekuatan ghaib (*mana*).

Kesaktian merupakan suatu kekuatan ghaib yang tidak mempunyai sifat keperibadiannya, cuma istilah sakti itu yang berasal daripada bahasa Sanskrit, mungkin membawa unsur kepercayaan Hindu-Buddha yang masuk ke alam Melayu sebelum kedatangan Islam, atau sekadar pinjaman istilahnya sahaja (Ismail Hamid, 1988). Kepercayaan kepada kekuatan kesaktian ini merupakan kepercayaan yang lumrah terdapat dalam Kesusasteraan Melayu Lama. Watak-watak raja dan pahlawan seperti

Hang Tuah digambarkan mempunyai kesaktian. Selain daripada tokoh-tokoh seperti di atas, bomoh dan pawang mempunyai kekuatan *mana* kerana dengan kekuatan itu mereka dapat menghalau serta menyeru hantu-hantu dan menurunkan hujan serta melakukan sihir ke atas orang lain.

Hingga dewasa ini orang Melayu masih menganuti kepercayaan yang menganggap sesetengah binatang mempunyai *mana* atau binatang keramat mengikut istilah yang lebih terkenal dalam masyarakat Melayu. Misalnya buaya keramat, gajah keramat, ular keramat, harimau keramat dan lain-lain. Binatang-binatang ini dipercayai menjaga sesuatu tempat yang tertentu. Binatang-binatang ini mempunyai kuasa yang luar biasa dan harus dihormati dan dipuja (Ismail Hamid, 1988).

Pokok-pokok atau tumbuh-tumbuhan yang tertentu juga dipercayai mengandungi kekuatan *mana*. Benda *fetish* yang dianggap mengandungi *mana* seperti tangkal digantung pada leher kanak-kanak untuk mengelak gangguan hantu. Seseorang yang memakai tangkal ini juga tidak akan lut jika ditikam atau ditembak. Benda *fetish* juga diletakkan pada pintu rumah untuk mengusir hantu atau roh jahat daripada memasuki rumah. Air yang telah dijampi pula mempunyai kekuatan *mana* untuk mengubati penyakit atau menolak bala (Ismail Hamid, 1988).

Walaupun selepas kedatangan Islam, orang Melayu masih mempercayai tentang kewujudan makhluk-makhluk halus seperti hantu di samping manusia di dunia. Mereka juga percaya bahawa jika manusia tersilap langkah atau bertindak dengan sewenang-wenangnya tanpa menghormati peraturan-peraturan yang tertentu, maka perbuatan mereka itu akan menimbulkan kemarahan makhluk-makhluk halus tersebut, dan mengakibatkan mereka bertindak mengancam manusia sehingga mendapat sakit. Demi

untuk mewujudkan hubungan yang baik antara manusia dengan makhluk-makhluk halus itu maka diadakan pantang larang. Pantang larang itu diadakan sebagai satu cara mengelakkan manusia daripada mendapat sakit atau kecelakaan (Ismail Hamid, 1988). Inilah antara sifat-sifat animisme yang masih menjadi amalan masyarakat Melayu sehingga kini.

Kedatangan agama Hindu pada abad ke dua pula telah banyak membawa perubahan di Kedah. Agama Hindu di Kedah dibawa dari India dan berjaya mendapat tempat di kalangan raja-raja Melayu dan Jawa. Kedah juga berada di bawah naungan Srivijaya pada abad ke 10 dan 11 yang menyebabkan agama Hindu tersebar secara meluas di Kedah kerana kerajaan Srivijaya sendiri pada masa tersebut muncul sebagai kerajaan Hindu yang kuat. Walaupun agama Hindu menjadi anutan penduduk khususnya di kalangan raja-raja dan kaum bangsawan, namun unsur kepercayaan lama terus diamalkan seperti pemujaan kubur datuk nenek yang sering dilakukan oleh raja-raja Hindu di Pulau Jawa dan pekara yang sama juga mungkin telah berlaku di Kedah (Ismail Hamid, 1988).

Sementara agama Hindu yang dianuti oleh rakyat dicampuradukkan dengan kepercayaan peribumi; konsep dewa-dewa Hindu disesuaikan pula dengan kepercayaan terhadap makhluk ghaib dalam kepercayaan animisme. Setelah kedatangan Agama Hindu ke Kedah berlakulah proses sinkretisme antara kepercayaan Hindu dengan kepercayaan peribumi di Kedah. Di samping itu kepercayaan rakyat terhadap agama Hindu tidak begitu mendalam kerana mereka masih berpegang kuat kepada kepercayaan lama yang diwarisi daripada datuk nenek mereka sedangkan unsur-unsur kepercayaan Hindu Vedaisme yang diperkenalkan itu tidak jauh bezanya dengan konsep makhluk-makhluk ghaib yang dianuti oleh penduduk peribumi (Wilkinson, 1957). Konsep ketuhanan agama

Hindu Vidaisme yang percaya kepada kekuasaan dewa-dewi atau tuhan telah mengambil tempat dan mengisi ruang kepercayaan kepada penunggu atau kuasa ghaib yang dipercayai oleh orang Melayu di Kedah wujud pada setiap fenomena alam seperti hujan, ribut, bukit, lautan, hutan belantara dan sebagainya. Misalnya dalam kepercayaan Hindu *Indra*, dewa peperangan dan dewa ribut, *Varuna* penjaga undang-undang alam (*rita*), *Rudra* dewa petir dan guruh, *Agni* dewa api, *Surya* dewa matahari, *Vayu* dewa angin, *Savitri* dewa angkasa lepas, *Usas* dewa fajar dan seterusnya (Ismail Hamid, 1988).

Agama Buddha juga muncul bersama-sama dengan kedatangan agama Hindu. Salah seorang pengembang agama Buddha di alam Melayu ialah Gunawarman iaitu bekas raja di Kashmir India. Beliau telah mengunjungi alam Melayu kira-kira pada abad kelima Masihi. Gunawarman telah memperkenalkan agama Buddhaisme daripada aliran Hinayana. Tetapi pada abad ke tujuh Masihi muncul seorang lagi pengembang agama Buddha tetapi daripada aliran Mahayana. Pengembang agama tersebut bernama Dharma. Pengajarannya menekankan aspek *Yogacara*, iaitu mementingkan amalan yoga dan pengucapan mantera (Wilkinson, 1957).

Agama-agama Hindu dan Buddha menghadapi perubahan yang radikal di alam Melayu. Walaupun kedua-dua agama ini bermusuh-musuhan di India, tetapi di alam Melayu, kedua-dua bercantum menjadi satu iaitu Hindu-Buddha. Misalnya dalam bentuk yang baru ini Buddha menjadi Visynu, sedangkan Visynu adalah di antara dewa-dewi yang utama dalam konsep 'Trimurti' dalam agama Hindu. Proses percantuman kedua-dua agama ini telah berlaku sejak zaman silam. Percantuman ini dapat dilihat pada ukiran-ukiran yang dibuatkan di candi-candi agama Buddha seperti di Borobudur dan Loro

jonggrang yang menyatakan tentang persatuan antara Siva dan Buddha. Mereka kadang-kadang dipanggil Siva atau Buddha (Ismail Hamid, 1988).

Proses percantuman antara agama Hindu dan Buddha telah berlaku di alam Melayu melalui kerjasama antara pendeta-pendeta daripada kedua-dua agama pada waktu melakukan upacara-upacara yang tertentu. Malah tidak wujud perbezaan antara mereka kecuali dari segi gelaran. Pendeta daripada agama Hindu Sivaisme dipanggil Mahadewa Mahasywara, Rudhra, Sangkara, Sambu dan Isywara, sementara gelaran bagi pendeta agama Buddha pula ialah Ratnasam Bhawa, Sri Amogasiddhi, Wirocana dan Amitabha. Perbezaan lain antara pendeta kedua-dua agama itu ialah pada tanda yang mereka pakai. Walau bagaimanapun orang ramai tidak mementingkan perbezaan di antara mereka. Para penganut kedua-dua agama itu sama-sama melakukan penyembahan kepada patung-patung; bagi pengikut Siva mereka menyembah patung Siva; bagi pengikut Buddha pula mereka menyembah patung Budhisatva (Ismail Hamid, 1988).

Pengaruh pemikiran Hindu ini meninggalkan warisannya dalam jampi dan mantera. Misalnya penggunaan perkataan *om* dalam mantera. Menurut Taib Osman, perkataan *om* melambangkan dewa-dewi Hindu seperti Brahma, Visynu dan Siva iaitu, konsep trinity dalam agama Hindu (Mohd. Taib Osman, 1967).

Pengaruh pemikiran Hindu jelas diwarisi dalam mantera-mantera Melayu. Menurut Taib Osman dalam mantera-mantera Melayu sering ditemui nama dewa-dewa Hindu seperti "Petala Guru", iaitu nama dewa "Betara Guru"; "Sedang Bima" daripada dewa "Sang Bima"; "Pawang Berima" daripada nama "Dewa Brahma" dan "Si Lanjuna" daripada nama "Dewa Arjuna". Nama-nama lain adalah seperti "Mahadewi", "Rudra",

“Mahakala” dan lain-lain. Nama dewa-dewa Hindu itu telah berubah apabila jampi atau mantera itu dipindahkan daripada satu generasi kepada generasi yang lain.

Pemikiran Hindu juga diwarisi melalui sastera Melayu, terutamanya yang berkait dengan alam kayangan yang didiami oleh para dewa yang diketuai oleh Betara Guru. Misalnya dalam *Hikayat Sang Bima* dibicarakan tentang watak dewa-dewi atau tuhan-tuhan seperti dewa Brahma, Betara Mahavisnu dan lain-lain yang digambarkan seperti manusia yang mendiami kayangan (Mohd. Taib Osman, 1967). Konsep ini juga mewujudkan konsep dewa raja yang menggambarkan raja-raja sebagai penghubung antara manusia dan tuhan di mana melalui sastera ini raja yang memerintah dikatakan sebagai keturunan dewa-dewi dan turun dari kayangan untuk menyelamatkan manusia seperti yang terdapat dalam cerita-cerita Panji. Oleh itu raja-raja yang memerintah diletakkan dalam kedudukan yang tertinggi berbanding dengan rakyat dan mereka sentiasa mendapat penghormatan daripada rakyat. Terdapat juga konsep penjelmaan yang menggambarkan tuhan-tuhan dan dewa-dewi menjelma menjadi raja-raja untuk menghapuskan kejahatan seperti watak Rama dalam *Ramayana* dan watak Krishna dalam *Mahabaratha*.

Menurut Harrison, (1966) pengaruh Hindu seterusnya telah digantikan oleh pengaruh Islam di Kedah pada kurun ke-14. Pengaruh Agama Islam juga telah mempengaruhi budaya dan kepercayaan masyarakat Melayu Kedah Islam bertitik tolak daripada konsep tauhid yang menegaskan kepada keesaan Tuhan. Islam ialah agama dan kehidupan (*al-Din wal-hayat*) atau agama atau pemerintahan (*al-Din wal dawlah*). Islam bukan sahaja akidah bahkan juga syariah (*aqidah wal-syari'ah*). Jelasnya, ajaran Islam bersifat menyeluruh dan sempurna. Di samping itu merangkumi bidang-bidang sosial, ekonomi, pendidikan, perundangan, politik dan sebagainya.